CNS4101
R GB 06-10 00099 BH891
bah
PM DITERIMA SEBAGAI FELLOW
Mahathir
I

KUALA LUMPUR, 6 Okt. (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini diterima sebagai Fellow Royal College of Physicians, Ireland.

Pengisytiharan itu dibuat oleh presiden kolej Dr J.S.Doyle, yang kemudian menyampaikan watikah kepada Perdana Menteri dalam satu majlis di Kelab Golf Diraja Selangor di sini.

Sembilan doktor lain tempatan turut diterima sebagai Fellow kolej sebagai mengiktiraf perkhidmatan mereka sebagai doktor.

Datuk Seri Dr Mahathir Khamis lalu diterima sebagai Fellow Kehormat Royal College of Surgeons, Ireland.-- Bernama

06/10/22-29MST